

CNS2285

U PB 20-09 00179 BA042

aab

Mahathir - Anwar

PENCALONAN UNTUK ANWAR KEPUTUSAN ANGGOTA UMNO

PULAU PINANG, 20 Sept (Bernama) -- Bilangan besar pencalonan oleh bahagian-bahagian UMNO kepada Naib Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden, menunjukkan keputusan anggota parti itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO itu berkata; "Ia adalah keputusan yang telah dibuat oleh anggota parti dan itu terpulang kepada mereka untuk membuat pencalonan."

"Dalam politik dan amalan demokrasi, perkara macam ini memang boleh terjadi," katanya sebagai mengulas 114 pencalonan yang diterima oleh Anwar daripada bahagian-bahagian UMNO yang telah bermesyuarat setakat ini berbanding dengan tujuh pencalonan kepada Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba.

Sebanyak 32 bahagian lagi akan bermesyuarat menjelang 30 Sept, tarikh akhir untuk bahagian mengadakan persidangan perwakilan.

"Anggota parti yang membuat keputusan bagi pencalonan itu dan dalam amalan demokrasi, perkara itu memang boleh berlaku," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis meraikan rombongan perkhidmatan sulung keretapi mewah "E & O" yang tiba di sini hari ini. -- Lagi.

▼20/09/15-58MST

U PB 20-09 00084 BA043

aab

Mahathir - Anwar 2 (Akhir) Pulau Pinang

Apabila ditanya mengenai desakan sesetengah pihak supaya Ghafar mengundur diri memandangkan beliau menerima pencalonan yang sedikit, Dr Mahathir berkata bahawa tidak wajar bagi seseorang memaksa orang lain untuk membuat sesuatu.

"Seseorang itu bebas membuat gesaan tetapi tidak bolehlah menekan atau memaksa orang untuk melakukan sesuatu perkara," katanya.

Beliau bagaimanapun menganggap perkara-perkara itu sebagai perkara yang biasa terjadi dalam politik dan demokrasi. -- Bernama.

MOZ ANR NMO